

Headline	Kenaikan tarif elektrik turut dibahaskan perwakilan Pemuda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	142 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,496		



Kenaikan tarif elektrik turut dibahaskan perwakilan Pemuda

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Isu kenaikan tarif elektrik yang berkuat kuasa 1 Januari ini menyebabkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak terlepas daripada disentuh perwakilan pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO, di sini hari ini.

Bermula dengan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin ketika menyampaikan ucapan dasar, beliau mendesak TNB supaya lebih prihatin kepada rakyat sejajar dengan statusnya sebagai syarikat milik kerajaan (GLC).

Katanya, kenaikan tarif yang tidak setara dengan peningkatan kos bahan api hanya menguntungkan TNB yang tampak mementingkan kantung pemegang saham, bukan rakyat jelata.

"Kita difahamkan bahawa peningkatan tarif elektrik ini bukan sekadar untuk menampung peningkatan harga bahan api, tetapi juga bagi menambahkan laba keuntu-

ngan TNB yang sudah berbilion ringgit jumlahnya.

"Kepada TNB dan juga GLC yang lain, Pemuda mendesak janganlah terlalu mementingkan prestasi kewangan semata-mata, tanggungjawab kepada rakyat jangan sekali dilupa," kata-

nya.

Sementara itu, wakil Kedah, Mahadzir Abdul Hamid pula menyarankan agar kerajaan memperkasakan sektor tenaga boleh diperbaharui agar rakyat boleh terus menggunakan elektrik pada kadar yang rendah.

Selain mengkaji semula kenaikan tarif itu, jelas beliau, kerajaan boleh mempertimbangkan pelaksanaan dasar pasaran terbuka untuk sektor tenaga bagi mengelak monopoli atau menyusun semula struktur organisasi TNB.

"Kalau tidak mampu juga, berilah kepada GLC di negeri-negeri untuk membekalkan elektrik sendiri," jelasnya.

Wakil Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Idris Haron ketika menyampaikan ucapan penggulungan menyifatkan gesaan Khairy agar kenaikan tarif elektrik dikaji semula membuktikan keprihatinannya terhadap beban yang ditanggung rakyat.

"Disebabkan oleh kepentingan orang Melayu yang terhimpit akibat kenaikan tarif elektrik, beliau sanggup membawa hujah bahawa kerajaan mesti mengkaji semula keputusan tersebut," ujarnya.



MAHAZIR